

02/06/2000

Taraf rakyat untuk Aishah

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Fazli Arman

LANGKAWI, Khamis - Kerajaan bersedia menimbangkan pemberian taraf kerakyatan kepada Aishah Nawawi jika ada permintaan daripada generasi ketujuh keturunan Mahsuri yang menjadi lagenda pulau peranginan ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, selain itu kerajaan juga bersedia menyediakan kemudahan lain untuk keluarga warisan Mahsuri itu jika mereka memerlukannya.

Beliau berkata, kerajaan berpendapat adalah baik mengadakan hubungan dengan keturunan Mahsuri, terutama untuk Langkawi berikutan kaitannya dengan lagenda sumpahan Mahsuri terhadap pulau ini.

"Kita akan timbang, umpamanya jika dia (Aishah) nak balik Langkawi dan nak jadi rakyat Malaysia. Kita timbang kalau dia minta. Mungkin dia tak minat, jadi kita tak paksa," katanya pada persidangan akhbar di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai pandangannya berikutan kehadiran generasi ketujuh Mahsuri ke Langkawi sempena sambutan 10 tahun penubuhan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), sejak dua hari lalu.

Aishah dan tujuh ahli keluarganya didatangkan khas dari penempatan mereka di Kampung Kemala, Phuket Thailand. Mengikut lagenda, sumpahan Mahsuri ke atas Langkawi menjadi padang jarak padang tekukur hanya berakhir selepas tujuh keturunan.

Ketika ditemui kelmarin, Aishah, 14, berkata beliau berhasrat menjadi rakyat Malaysia dan menetap di tanah tumpah darah nenek moyangnya di sini.

Malah, gadis manis yang sedang menuntut di sekolah menengah di Phuket itu bercita-cita melanjutkan pelajaran di negara ini jika hasratnya menetap di sini tidak kesampaian.

"Saya suka tinggal di Langkawi kerana ia tempat kelahiran nenek moyang saya, tapi cuma bimbang mengenai masa depan keluarga kerana tidak pasti apa mereka boleh lakukan di sini," katanya ketika bercakap kepada pemberita melalui penterjemah.

Dr Mahathir juga berkata, beliau gembira negara dapat menjalin hubungan dengan salah seorang daripada tokoh sejarah Langkawi.

"Kita alu-alukan kedatangan mereka. Kita rasa seronok dapat jalinkan hubungan dengan tokoh sejarah kita. Dia (Aishah) dikatakan generasi ketujuh yang mana sumpahan Mahsuri disebut tak akan maju hingga tujuh keturunan.

"Secara kebetulan, sumpahan itu mungkin dah habis. Saya tak tahu, saya tak berapa percaya benda-benda macam ini, tetapi kalau dapat jalin hubungan dengan keturunan Mahsuri, memang baik untuk kita," katanya.

(END)